

TEKS UCAPAN

**YAB MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN**

SEMPENA

**PERSIDANGAN KETIGA
(BELANJAWAN)
 PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
 YANG KE-14**

**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN**

PADA:

17,18 DAN 19 DISEMBER 2018

**TEKS UCAPAN YANG AMAT BERHORMAT
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN
BAGI MEMBENTANGKAN
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019**

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk “Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2019 dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu” dibacakan bagi kali kedua.

MUKADIMAH

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

1. Segala puji bagi Allah, Tuhan Tuan Punya seluruh alam. Dia lah Pemilik ke atas negeri ini dan Penyedia segala sumber yang Maha Kaya, Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan yang paling disayangi Nabi Muhammad s.a.w.

Allah mengurniakan kepada kita Negeri Sembilan yang indah, unik dan kaya dengan pelbagai hasil masul. Kita semua adalah petugas yang diamanahkan-Nya untuk menjaga, membangunkan dan memajukan negeri ini.

Allah berpesan dalam al-Qu'ran, ayat 61 surah Hud, antaranya bermaksud; "*Dialah yang*

membuat kamu hidup di dunia ini dan menyuruh kamu memakmurkan negeri ini, kemudian istigfarlah kamu kepadaNYA dan bertaubatlah kamu kepadaNYA. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Penyayang dan Penuh Kecintaan”.

2. Sehubungan itu, bagi menzahirkan rasa syukur dan menghargai kurniaan Allah, kita bertekad untuk terus menguruskan sumber kekayaan yang dikurniakan oleh Allah swt kepada Negeri Sembilan ini dengan penuh amanah dan tanggungjawab. Barisan kepimpinan Kerajaan Baharu yang telah dipilih oleh rakyat ini, tidak akan sekali-kali mengkhianati amanah yang diberikan dan akan terus ‘**Memperkayakan Hasil, Memakmurkan Kekayaan**’ berteraskan kepada prinsip *Maqasid Syar’eiyyah* yang meliputi hubungan secara vertikal (hablumminallah) dan hubungan secara horizontal (hablumminannas).

Selain daripada mempertingkat ma'ruf, yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan hasil daripada pelbagai sumber, langkah-langkah pencegahan daripada perkara *munkar*, iaitu aktiviti menghalang daripada melakukan ketirisan, pembaziran, pemborosan, pengabaian dan salah guna ke atas sumber hasil juga diberi perhatian.

3. Untuk memastikan hasil negeri ditingkatkan secara maksima dan dimanfaatkan sepenuhnya bagi memakmurkan negeri dengan lebih berkesan, kita berpegang kepada nilai **Bersih, Muafakat dan Sejahtera**.

4. **Bersih** dalam konteks pentadbiran kewangan dan ekonomi negeri ialah merancang dan melaksanakan pengurusan kewangan dan pembangunan ekonomi negeri dengan rasa penuh

tanggungjawab kepada Allah, amanah dan berintegriti. Bebas daripada apa jua unsur penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah.

5. **Muafakat** ialah menjadikan prinsip syura sebagai unsur penting dalam proses perancangan dan pembangunan ekonomi negeri. Sesuai dengan perbidalan kata orang-orang tua, *bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat*, maka setiap perkara yang ingin diputuskan, akan dirundingkan terlebih dahulu dengan semua pihak yang berkepentingan selaku *stakeholders* supaya ianya bersifat inklusif dan menyeluruh.

6. Manakala, **Sejahtera** ialah memastikan setiap perancangan, pengurusan dan pelaksanaan program pembangunan ekonomi negeri, akhirnya akan menatijahkan kepada kesejahteraan seluruh rakyat Negeri Sembilan.

SENARIO EKONOMI NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

7. Sebelum saya memfokuskan kepada perancangan dan pencapaian ekonomi Negeri Sembilan, izinkan saya berkongsi tentang kedudukan ekonomi negara secara keseluruhannya untuk dijadikan pedoman dan panduan kita untuk mentadbir kewangan di Negeri ini. Melalui Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang telah saya hadiri pada 7 Jun 2018 dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pelbagai langkah telah dan sedang diambil untuk menangani situasi fiskal ekonomi negara pada masa ini, antaranya ialah cadangan untuk menyemak dan mengkaji semula agihan pemberian dan bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri perlu lebih kreatif dan gigih untuk meningkatkan hasil seperti mengutip tunggakan hasil, memperkenalkan hasil baru serta mengamalkan perbelanjaan berhemat. Kebergantungan kepada Kerajaan Persekutuan perlulah diminimakan melalui pengurusan belanjawan negeri yang lebih lestari dan berdaya tahan (*sustainable and resilience economy*).

8. Bagi mengukuhkan Ekonomi Negara, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tempoh 2018-2020 telah memberi keutamaan dan penekanan baharu ke atas dasar, strategi dan inisiatif sedia ada bagi mencapai pertumbuhan sosio ekonomi yang lebih inklusif dan mampan ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ini termasuklah memperkemaskan semula sistem penyampaian dan tadbir urus negara supaya lebih berkesan.

Dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2017, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara berkembang **5.1 peratus** setahun dalam suasana inflasi pada kadar purata 2.9 peratus. Bagi tempoh 2018-2020, ekonomi negara akan terus disokong oleh permintaan dalam dan luar negara, terutamanya permintaan kukuh dalam kalangan negara rantau Asia. Permintaan swasta dijangka kekal menerajui pertumbuhan ekonomi, dengan pelaburan swasta dijangka berkembang 5.7 peratus setahun. Dengan penambahbaikan tadbir urus khususnya langkah membasmi ketirisan dan peningkatan hasil, Kerajaan Persekutuan yakin kedudukan fiskal dapat dipulihkan pada akhir tahun 2020.

9. Seperti mana yang dinyatakan dalam pembentangan Belanjawan Negara 2019 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan,

cabaran Kerajaan Persekutuan pada masa ini adalah untuk mengurus bebanan hutang negara yang mencecah **RM1 trillion**. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan telah mengunjurkan KDNK pada 2018 berkembang kepada 4.8 peratus berbanding dengan 5 peratus hingga 5.5 peratus sebelum ini. Beliau turut menyatakan bahawa eksport negara terus berkembang sebanyak 6.9 peratus bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 dan menyumbang kepada lebihan akaun semasa berjumlah RM18.9 bilion atau 2.8 peratus daripada KDNK. Kadar inflasi kekal rendah pada 1.2 peratus bagi tempoh Januari sehingga September 2018, dan seterusnya membolehkan dasar monetari kekal akomodatif dan kondusif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Senario dan persekitaran ekonomi nasional pada ketika ini, sedikit sebanyak akan turut memberi kesan kepada pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan terutamanya yang melibatkan projek-

projek pembangunan infrastruktur di bawah Rolling Plan (RP) 4 Tahun 2019.

KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK) (DATA HINGGA 2017, JABATAN PERANGKAAN)

10. KDNK Negeri Sembilan telah merekodkan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Pertumbuhan KDNK yang dicatatkan pada tahun 2017 adalah **4.9 peratus** dengan nilai pada harga malar sebanyak **RM40.717 billion** berbanding 3.5 peratus pada tahun 2016. Daripada nilai KDNK berjumlah RM40.717 billion yang telah dicatatkan, Sektor Perkhidmatan telah menyumbang sebanyak 44.3 peratus, Sektor Pembuatan 39.7 peratus manakala Sektor Pertanian berjumlah 7.9 peratus.

Ketiga-tiga sektor ini menyumbang 93.8 peratus (RM38.192 billion) kepada KDNK Negeri Sembilan.

11. Walaupun KDNK tahun 2017 menunjukkan peningkatan iaitu **4.9 peratus**, namun momentum pertumbuhan ini adalah **lebih rendah** berbanding kadar pertumbuhan ekonomi negara iaitu 5.9 peratus dan dua belas (12) negeri lain iaitu Sabah (8.2 peratus), Melaka (8.1 peratus), Pahang (7.8 peratus), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (7.4 peratus), Selangor (7.1 peratus), Johor (6.2 peratus), Wilayah Persekutuan Labuan (6.1 peratus), Terengganu (5.9 peratus), Perak (5.5 peratus), Pulau Pinang (5.3 peratus), Kedah dan Kelantan (5.0 peratus).

12. Bagi terus memacu pertumbuhan ekonomi negeri supaya lebih berkembang dan dinamik,

Kerajaan Negeri komited untuk meneroka potensi baru yang lebih berdaya tahan (*resilience economy*) yang berasaskan teknologi tinggi, modal intensif dan sektor pembuatan berskala besar. Alhamdulillah, dalam tempoh 6 bulan pertama pemerintahan Kerajaan baharu, Negeri Sembilan telah menerima banyak kunjungan daripada pelabur dalam mahupun luar negara melalui pelbagai siri padanan perniagaan (*business matching*), perbincangan dua hala (*bilateral*), lawatan perniagaan (*business trip*) dan promosi pelaburan yang telah dan sedang dilakukan secara agresif. Hasil daripada usaha gigih tersebut, Insya Allah, nilai pelaburan (*potential investment*) yang bakal dibawa masuk ke negeri ini, sama ada dari dalam dan luar negara, adalah melebihi **RM2 bilion** yang melibatkan pelbagai sektor industri seperti teknologi solar, *medical hub*, logistik, *plastic injection moulding*, elektrikal, elektronik dan

hub industri penerbangan. Beberapa perjanjian persefahaman (MOU) telah pun ditanda tangani dan sekiranya berjaya direalisasikan, insya Allah ianya akan membuka lebih dari **3000** peluang pekerjaan baharu kepada rakyat Negeri Sembilan khususnya dan negara amnya.

STATISTIK KEMISKINAN

13. Berdasarkan statistik dari Jabatan Perangkaan pada tahun 2016, peratus kemiskinan di Negeri Sembilan adalah sebanyak 0.2 peratus berbanding 0.4 peratus di peringkat nasional, dengan kadar kemiskinan yang tertinggi adalah di daerah Seremban [1106 Ketua Isi Rumah (KIR)], diikuti daerah K.Pilah (374 KIR) dan Tampin seramai 242 KIR. Manakala sehingga 30 November 2018, bilangan peserta eKasih di Negeri ini ialah seramai 20,025 orang di mana Seremban mencatatkan bilangan tertinggi

(7,383 KIR), diikuti Kuala Pilah (2,393 KIR) dan Port Dickson (2,416 KIR). Bagi menangani isu kemiskinan bandar dan luar bandar tersebut, pelbagai program dan projek telah dirancang yang merentasi sempadan agama, kaum dan geografi, yang akan saya bentangkan sebentar nanti.

KADAR INFLASI (MERUJUK KEPADA UCAPAN BELANJAWAN 2019)

14. Secara keseluruhan, kadar inflasi di negara yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) kekal rendah pada 1.2 peratus bagi tempoh Januari hingga September 2018. Manakala kadar inflasi Negeri Sembilan pada tahun 2017 **meningkat** kepada 4.2 peratus berbanding 1.9 peratus pada tahun 2016.

Berdasarkan kepada Laporan Sosio Ekonomi Negeri Sembilan, Jabatan Perangkaan Malaysia yang diterbitkan pada Julai tahun 2018, kenaikan ini berpunca dari kenaikan inflasi kumpulan utama:

- a) **pengangkutan** - kenaikan pada kadar 14.6 peratus didorong oleh kenaikan harga purata petrol RON95 kepada RM2.16 seliter berbanding RM1.76 seliter pada tahun 2016;
- b) **makanan dan minuman bukan alkohol** - kenaikan pada kadar 3.6 peratus;
- c) **restoran dan hotel** - kenaikan pada kadar 3.4 peratus;
- d) **kesihatan** - kenaikan pada kadar 3.2 peratus;
- e) **perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain** - pada kadar 2.6 peratus; dan

- f) **hiasan, perkakasan, penyelenggaraan isi rumah, perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan** - kenaikan pada kadar 2.0 peratus.

PELAKSANAAN MALAYSIA VISION VALLEY 2.0 (MVV 2.0)

15. Negeri Sembilan amat bertuah kerana kedudukannya yang sangat strategik berhampiran dengan pusat bandar raya Kuala Lumpur, bersebelahan dengan pusat pentadbiran Persekutuan Putrajaya, Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Pelabuhan Klang dan sebagainya, menjadikan Negeri Sembilan adalah pilihan terbaik kepada pelabur dalam dan luar negara. Rancangan Fizikal Negara (RFN) telah mengiktiraf Seremban dan Port Dickson sebagai antara **tujuh belas (17)** zon yang telah dikenalpasti sebagai Zon Promosi Pembangunan

(ZPP) di Malaysia. Sebagai gerbang pembangunan strategik negara, Kerajaan Negeri telah melakukan beberapa pengubahsuaian dan penyesuaian ke atas MVV yang kini dikenali sebagai MVV 2.0. Pelan Komprehensif Pembangunan (CDP) MVV 2.0 yang dilancarkan pada **13 Disember** baru-baru ini, telah memfokuskan kepada **empat (4)** pemacu ekonomi berikut;

- i. Industri Berteknologi Tinggi;
- ii. Industri Perkhidmatan dan Pelancongan;
- iii. Sektor Pendidikan dan Penyelidikan Berasaskan Kemahiran; dan
- iv. Hab Logistik, Penerangan, Maritim dan Perkhidmatan Khusus.

16. Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian, CDP MVV 2.0 ini telahpun dibentangkan kepada YAB

Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 3 Oktober 2018 yang lalu. Pada dasarnya, YAB Perdana Menteri menyambut baik serta menyokong pelaksanaan MVV 2.0 dan telah bersedia untuk mempengarusikan mesyuarat bagi menarik pelabur-pelabur ke kawasan ini.

17. Pengukuhan infrastruktur industri dan jaringan perhubungan yang cekap akan terus diberikan keutamaan melalui sokongan daripada Kerajaan Pusat, di bawah RP4 Tahun 2019 dan Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMK 12) nanti. Selaras dengan agenda ***Greater KL***, daerah Seremban dan Port Dickson bukan sahaja menjadi gerbang utama pembangunan negeri, tetapi akan terus menjadi destinasi kediaman pilihan yang terbaik kepada warga Lembah Klang kerana harga hartanahnya yang sangat kompetitif dan lokasi yang strategik.

STRATEGI BELANJAWAN 2019

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

18. Menyedari cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam persekitaran ekonomi nasional yang sedikit tercalar akibat dari kebobrokan pemerintahan Kerajaan terdahulu, maka saya ingin menggariskan **4 Strategi** dalam Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2019 ini. Bertemakan **“Memperkayakan Hasil, Memakmurkan Kekayaan”**, empat (4) strategi ini seterusnya akan disusuli dengan **sepuluh (10) Pelan Tindakan (PT)** yang diterajui oleh beberapa jabatan Kerajaan Negeri yang telah pun dikenalpasti.

Strategi 1: Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

19. Semasa pembentangan Belanjawan Negara 2019 yang lalu, kelemahan utama pengurusan makroekonomi Malaysia adalah disebabkan oleh tadbir urus kewangan awam yang amat parah. Kecenderungan segelintir penjawat awam yang memilih untuk akur kepada tekanan dan tidak memberikan nasihat yang betul telah memburukkan lagi keadaan. Maka itu, reformasi institusi secara total perlu dilakukan bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus. Untuk itu, tiga (3) Pelan Tindakan telah dikenalpasti untuk dilaksanakan segera sepanjang tahun 2019.

PT 1: Menambah Baik Prosedur Kerja

20. Kerajaan Negeri amat menitik beratkan kepada kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam membuat keputusan dan memproses sesuatu kelulusan. Budaya kerja *business as usual* dan *complacent* tidak lagi boleh diamalkan. Setiap jabatan dan agensi negeri perlu meneliti dan menambah baik prosedur kerja sedia ada supaya sesuatu keputusan itu dapat dibuat dalam tempoh yang singkat tanpa perlu melalui proses birokrasi atau *red tape* yang panjang. Semua Ketua Jabatan perlu lebih kreatif dan berani mencabar status quo supaya lebih dinamik. Setiap *Standard Operating Procedure* (SOP) yang lapuk perlu diganti dengan SOP yang baharu. Sebagai contoh, bilangan jawatankuasa yang terlalu banyak serta borang-borang yang terlalu rumit perlu dikurangkan. Syarat-syarat dan SOP perlu diseragamkan di antara jabatan

mahupun daerah terutamanya di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Melalui reformasi tadbir urus ini, saya yakin, hasil negeri akan dapat ditingkatkan dengan lebih cekap lagi.

PT 2: Mempertingkatkan Kutipan Tunggakan Hasil

21. Penguatkuasaan, pemantauan dan pendidikan berterusan adalah antara faktor yang boleh menyumbang kepada peningkatan kutipan tunggakkan hasil. Sebagai rekod bagi tahun 2015, jumlah Akaun Belum Terima (ABT) negeri adalah RM93.35 juta, 2016 (RM118.60 juta) dan 2017 (RM141.95 juta). Sehubungan itu, bagi mengelakkan jumlah ABT terus meningkat setiap tahun, Jabatan dan Agensi Pemungut Hasil perlu memainkan peranan yang lebih efektif dalam menguatkuasakan peraturan, sekaligus mendidik

masyarakat berkenaan tanggungjawab sebagai pengguna perkhidmatan dan pembayar cukai.

PT 3: Kecekapan Proses Pengurusan Tanah

22. Bagi mempercepatkan lagi pertumbuhan pembangunan baharu untuk pelbagai tujuan guna tanah, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) perlulah mengkaji dan menambah baik mana-mana proses atau prosedur urusniaga tanah yang telah lapuk. Ini termasuklah permohonan pindah milik, tukar syarat tanah, pecah sempadan, pemberi milikan dan sebagainya. Penggunaan teknologi digital dan aplikasi moden seperti ***Quick Response (QR)*** kod dalam pengeluaran hak milik atau pelan elektronik adalah antara penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan. Bagi mempercepatkan proses pewartaan, Kerajaan juga sedang dalam tindakan membangunkan sistem **eWarta**. Tujuan utama penambahbaikan

ini adalah untuk memastikan setiap permohonan kelulusan dapat diberikan dalam tempoh yang singkat sekaligus membantu meningkatkan hasil negeri. Sekiranya perlu, perwakilan kuasa kepada Pentadbir Tanah boleh diperluaskan bagi maksud itu. Satu *task force* khas yang terdiri daripada Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah akan ditubuhkan termasuklah mengadakan *strategic engagement* (dengan izin) dengan semua pihak yang berkepentingan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pejabat Tanah dan Galian serta semua Pentadbir Tanah kerana telah diiktiraf sebagai **Amalan Terbaik Pengumpulan Data Tanah Rizab Melayu** di Malaysia semasa mesyuarat Majlis Tanah Negara yang diadakan pada 3 Disember 2018 baru-baru ini.

Strategi 2: Meneroka Sumber Hasil Baru

23. Melangkah kehadapan, Kerajaan Negeri tidak lagi berupaya bergantung kepada sumber hasil konvensional melalui kutipan cukai tanah semata-mata. Peningkatan dalam belanja mengurus di samping keperluan untuk merancakkan pembangunan negeri mewajarkan Kerajaan Negeri meneroka sumber hasil mahsul yang baharu untuk manfaat keseluruhan masyarakat. Untuk itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkenalkan Lesen Struktur Atas Badan Air dan Cukai Petak Strata sebagai sumber Hasil Bukan Cukai yang baharu selewat-lewatnya pada tahun 2020.

PT 1: Lesen Struktur Atas Badan Air

24. Pada ketika ini, Badan Kawal Selia Air (BKSA) sedang giat untuk menguatkuasakan

Lesen Struktur Atas Badan Air melalui Kaedah-Kaedah Caj Air dan Fi Lesen (Negeri Sembilan). Pelaksanaan lesen ini dijangka akan berkuatkuasa mulai tahun 2019 dan diunjurkan akan memberikan pulangan hasil kepada Kerajaan Negeri sebanyak **RM370,000** setahun.

PT 2: Pelaksanaan Cukai Petak Strata

25. Cukai Petak Strata merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam Akta Hakmilik Strata 1985. Sebelum ini, kaedah yang digunakan bagi pengeluaran dokumen hakmilik strata adalah melalui kaedah manual walaupun beberapa negeri telah menggunakan kaedah pengeluaran dokumen hakmilik melalui Sistem Geran Strata. Di Negeri Sembilan, jumlah skim strata yang direkodkan adalah berjumlah **462 skim** dengan melibatkan sebanyak **33,418 petak**. Melalui pelaksanaan cukai strata pada

tahun 2020, Kerajaan Negeri mengunjurkan peningkatan hasil sebanyak **RM1.0 juta**. Sebagai permulaan, satu sistem eStrata akan dibangunkan pada tahun hadapan bagi membolehkan kemasukan data dilengkapkan sebelum kutipan cukai mulai tahun 2020.

PT 3: Memajukan Tanah-Tanah Rezab Kerajaan Negeri Melalui Program Usahasama

26. Berdasarkan rekod Pejabat Tanah dan Galian (PTG), pada ketika ini terdapat 41,906 hektar tanah yang direzabkan atas nama YB SUKNS untuk tujuan kawasan lapang, taman awam, pembangunan akan datang dan lain-lain tetapi terbiar kosong, malah terdapat juga tanah-tanah rezab yang diceroboh oleh pihak luar tanpa diambil tindakan. Adalah satu kerugian sekiranya tanah-tanah produktif ini dibiarkan

kosong tanpa apa-apa aktiviti guna tanah. Sehubungan itu, YB SUKNS telah diarahkan untuk mengkaji potensi tanah-tanah rezab ini yang boleh dimajukan secara usahasama dengan cara sewaan atau pajakan yang boleh mendatangkan hasil.

Strategi 3: Mengurangkan Kehilangan Hasil Negeri

27. Bagi membolehkan Kerajaan Negeri mengutip hasil secara optimum, beberapa pelan tindakan telah dikenalpasti untuk mengurangkan kehilangan hasil negeri. Diantaranya:

PT 1: Kawalan Pemberian Premium Secara Nominal

28. Sebelum ini, kecenderungan Kerajaan Negeri untuk memberikan premium secara nominal telah menyebabkan jumlah kutipan hasil

tidak dapat dimaksimumkan. Pemajuan dan pembangunan yang besar menikmati kadar premium yang nominal sedangkan nilai pulangan kepada masyarakat berada pada kadar yang rendah. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan mengawal pemberian premium secara nominal. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan lebih berhati-hati dalam mempertimbangkan rayuan pengurangan kadar premium. Berdasarkan rekod pejabat PTG dari tahun 2016-2017, Kerajaan terdahulu telah meluluskan pengurangan premium berjumlah **RM255.72 juta** melibatkan **198 permohonan** yang diluluskan. Jumlah ini merupakan 65% daripada keseluruhan premium tanah yang sepatutnya dikutip iaitu **RM390.32 juta**.

PT 2: Kutipan Caj Air Mentah

29. Kutipan caj air mentah terbahagi kepada penggunaan domestik dan komersil. Secara puratanya, kadar kutipan caj air mentah domestik pada tahun 2016 adalah sebanyak RM18 juta dan RM13.7 juta pada tahun 2017. Manakala kutipan caj komersil pula adalah sebanyak RM13 juta pada tahun 2016 dan RM14.5 juta tahun 2017. Secara umumnya, sasaran kutipan caj domestik dan komersil adalah masih rendah berdasarkan jangkuan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak SAINS. Untuk itu, pihak SAINS telah diarahkan untuk mempertingkatkan lagi keupayaan kutipan caj air mentah ini melalui pelbagai pendekatan secara berhemah tetapi tegas. Kerajaan tidak lagi mengamalkan tindakan hapuskira (*write off*) seperti yang pernah dilakukan oleh Kerajaan terdahulu dengan menghapuskira tunggakan caj air mentah

sebanyak **RM29 juta pada tahun 2013**. Walau bagaimanapun mulai bulan Ogos 2018, Alhamdulillah pihak SAINS telah berjaya membuat bayaran secara tetap sekurang-kurangnya **RM3 juta** sebulan seperitimana Indeks Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan.

PT 3: Penguatkuasaan dan Pemutihan

30. Penguatkuasaan yang tegas tetapi berhemah akan menjamin peningkatan hasil negeri. Kerajaan mendapati banyak berlakunya pelanggaran syarat nyata tanah di bawah Kanun Tanah Negara, Akta, Undang-undang Kecil dan Enakmen oleh pelbagai pihak sejak sekian lama tetapi tidak diambil tindakan tegas oleh agensi Kerajaan. Tanah-tanah yang berstatus pertanian telah digunakan untuk aktiviti komersil seperti industri dan perniagaan tanpa menukar syarat tanah dengan kadar bayaran cukai yang rendah.

Pada masa yang sama, tanah-tanah Kerajaan telah diceroboh sama ada bagi aktiviti pertanian, mengorek pasir mahupun pemasangan *billboard* secara haram. Berdasarkan pemantauan yang telah dijalankan, didapati terdapat sebanyak 351 *billboard* disepanjang lebuhraya PLUS, LEKAS dan Lebuhraya Seremban–Port Dickson yang telah didirikan tanpa kelulusan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 91 telah dibina secara haram atas tanah kerajaan. Pihak-pihak berkenaan mendapat pulangan hasil yang lumayan melalui aktiviti tersebut tanpa menyumbang kembali kepada Kerajaan dan masyarakat. Perkara ini perlu diberikan titik noktah melalui tindakan penguatkuasaan bersepada dan tindakan pemutihan.

31. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah mengeluarkan arahan yang tegas kepada Pentadbir Tanah untuk menuntut bayaran

premium dan tunggakan cukai dari mana-mana agensi milik Kerajaan Negeri atau GLC termasuklah dari Menteri Besar DiPerbadankan (MBI) yang dahulunya tidak dituntut.

Strategi 4: Meningkatkan Keuntungan Pelaburan

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

32. Alhamdulillah, berkat dari tadbir urus yang baik dan berhemah, jumlah simpanan jangka pendek dan panjang negeri menunjukkan peningkatan yang ketara. Sehingga 30 November 2018, jumlah simpanan wang tunai dan pelaburan Negeri Sembilan adalah sebanyak **RM766.42 juta** berbanding RM725.96 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 2017 iaitu **peningkatan sebanyak RM40.46 juta**.

PT 1: Pelaburan Sukuk dan Simpanan Tetap

33. Bagi memanfaatkan lebihan tunai yang ada, Kerajaan komited untuk menguruskan dengan baik lebihan tunai negeri melalui pelaburan jangka pendek dan panjang yang terjamin, berisiko rendah dan memberikan pulangan yang menguntungkan. Kajian pasaran yang menyeluruh sentiasa dilakukan oleh Unit Analisa Pelaburan dan Pemantauan, Pejabat Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri dengan tanda aras (*benchmark*) pelaburan pada kadar 4 peratus ke atas, setahun. Tanda aras pelaburan ini juga akan dikuatkuasakan di peringkat Badan-Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mulai 1 Januari 2019.

ANGGARAN HASIL

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

34. Berdasarkan kepada strategi belanjawan yang telah dibentangkan, insya Allah, Kerajaan Negeri menganggarkan akan berlaku peningkatan hasil sebanyak **RM18 juta atau 4.37 peratus**, menjadi **RM430 juta** pada tahun 2019 berbanding RM412 juta bagi tahun 2018. Secara keseluruhannya, **Hasil Bukan Cukai** seperti premium, permit, pendaftaran lesen, keuntungan pelaburan, royalti sumber asli dan sebagainya kekal sebagai penyumbang utama hasil negeri iaitu sebanyak **RM225.1 juta** ataupun 52 peratus. Manakala **Hasil Cukai bagi tahun 2019**, yang terdiri daripada Cukai Langsung dan Cukai Tidak Langsung, dijangka menyumbang sebanyak **RM148.41 juta ataupun 35 peratus** daripada keseluruhan hasil. Berbanding Belanjawan 2018,

Hasil Cukai dijangka mengalami penurunan sebanyak 4.06 peratus berikutan daripada program pemutihan data dan maklumat serta tiadanya peningkatan kadar cukai bagi tempoh 5 tahun seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan semasa Pilihanraya Umum Ke 14 yang lalu. Akhir sekali, Kerajaan dijangka akan memperolehi sebanyak **RM56.49** juta ataupun **13 peratus** hasil dari **Terimaan Bukan Hasil** seperti bayaran balik pinjaman, pemberian dan caruman Kerajaan Persekutuan. Ini menjadikan keseluruhan hasil negeri pada tahun 2019 adalah sebanyak RM430 juta.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

35. Suka saya membawa kembali perhatian sidang dewan kepada usul Belanjawan Kerajaan Negeri bagi tahun 2019. Bagi tahun 2019, Belanjawan Kerajaan Negeri adalah **Belanjawan**

Berimbang yang berjumlah RM430 juta iaitu pertambahan sebanyak RM18 juta atau 4.37 peratus berbanding RM412 juta pada tahun 2018 meliputi Belanjawan Mengurus dan juga Belanjawan Pembangunan.

Anggaran Belanjawan Mengurus

36. Manfaat daripada pelbagai usaha untuk **Memperkayakan Hasil** ini, maka sewajarnyalah kekayaan itu dimakmurkan untuk dinikmati bersama oleh semua rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan daerah. Sebagaimana firman Allah swt dalam **Surah Ibrahim, Ayat 7** yang bermaksud, “*Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat kepadamu), dan jika kamu mengingkari (nikmatKu), maka sesungguhnya azab Ku amat pedih*”. Maka itu, belanjawan tahun 2019 telah dirancang dengan penuh teliti bagi menjamin kemakmuran yang

lebih menyeluruh kepada seluruh rakyat. Kerajaan akan memastikan setiap perbelanjaan mampu memberi pulangan atau nilai tambah dan seterusnya meningkatkan produktiviti negeri. Untuk itu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM430 juta** bagi **Anggaran Belanjawan Mengurus Tahun 2019** yang diperincikan seperti berikut:

1. **Emolumen** RM169.25 juta atau 39.36 peratus;
2. **Perkhidmatan dan Bekalan** RM90.19 juta atau 20.97 peratus;
3. **Perolehan Aset** RM3.38 juta atau 0.79 peratus;
4. **Pemberian dan Kenaan Tetap** RM160.13 juta atau 37.24 peratus; dan
5. **Perbelanjaan Lain** RM7.05 juta atau 1.64 peratus

Perolehan Aset

37. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kutipan hasil pada tahun 2019, Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan perolehan kenderaan kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah dan lain-lain agensi melibatkan peruntukan berjumlah **RM1.68 juta**. Peruntukan ini bertujuan bagi menggantikan kenderaan yang telah berusia melebihi 10 tahun dan pada masa sama meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi memberi pulangan hasil yang maksimum kepada Kerajaan. Adalah diharapkan, melalui perolehan kenderaan baharu ini akan meningkatkan lagi moral dan semangat pegawai-pegawai Kerajaan untuk lebih gigih dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan bagi mengelakkan berlakunya ketirisan sekaligus menaikkan hasil negeri. Selepas hampir sepuluh

(10) tahun memohon dan merayu, Kerajaan Pakatan Harapan yang prihatin dan sentiasa bersedia menjadi pendengar yang baik, bersetuju meluluskan peruntukan berjumlah **RM0.29 juta bagi perolehan alat ukur** dengan spesifikasi terkini kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah. Perolehan aset-aset baharu ini secara psikologinya dapat mengoptimumkan kecekapan guna tenaga sekaligus mengurangkan ketirisan hasil negeri. Ia juga adalah sebagai salah satu bentuk ganjaran dan pengiktirafan kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah yang telah bertindak sebagai jabatan Pemungut Hasil yang terbaik selama ini.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

38. Sebagai umat Islam yang ditanam dengan sifat menunaikan janji, Kerajaan Negeri ingin mengumumkan beberapa bentuk bantuan yang

baharu dan ditambahbaik untuk tahun 2019 sepertimana yang dinyatakan dalam Manifesto Tawaran Pakatan Harapan. Kerajaan amat sedar dan sentiasa insaf, bahawa pemilihan Kerajaan Baharu oleh rakyat Negeri Sembilan adalah satu amanah yang perlu digalas dengan penuh tanggungjawab berpaksikan kepada prinsip Bersih, Muafakat dan Sejahtera. Maka bantuan yang akan diberikan ini adalah bersifat inklusif dan meliputi segenap lapisan masyarakat yang memerlukan pembelaan dan dokongan dari Kerajaan. Bak kata perbidalan orang Negeri Sembilan,

***“Rundingan jangan selisih,
Muafakat jangan bercanggah,
Tuah pada sekata,
Berani pada seja,
Bulat air kerana pembetung,
Bulat manusia kerana muafakat”***

Kebajikan

39. Kerajaan amat prihatin dan simpati kesusahan yang terpaksa ditanggung oleh ibu-ibu tunggal dalam membesarkan anak-anak secara bersendirian. Maka itu, Kerajaan memutuskan untuk memberikan bantuan khas kepada **Ibu Tunggal** secara *one-off* pada kadar **RM200 seorang** dengan jumlah peruntukan **RM0.90 juta**. Manfaat ini akan dinikmati oleh seramai 4,500 orang Ibu Tunggal yang telah berdaftar dengan eKASIH. Bagi pelajar sekolah dalam kalangan keluarga miskin di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) pula, seramai 1,500 orang murid akan diberikan bantuan yuran bas sekolah bernilai **RM50 sebulan** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM0.90 juta**. Tidak dilupakan adalah golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang sentiasa mekar di hati Kerajaan. Pada ketika ini,

jumlah OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah seramai **2,490 orang** yang menerima bantuan am bulanan sebanyak RM140 sebulan. Dengan ini saya umumkan, bantuan bulanan am golongan OKU **akan dinaikkan sebanyak RM60 kepada RM200 sebulan** yang melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM1.79 juta**. Selain daripada itu, kerajaan juga bersetuju menyediakan perkhidmatan Bas Percuma dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM0.30 juta**. Sebagai percubaan, perkhidmatan ini akan dimulakan bagi bandar Seremban.

Pendidikan

40. Pembangunan modal insan adalah pelaburan masa hadapan yang penting bagi menyediakan barisan pelapis pemimpin yang akan mencorakkan dan membawa perubahan kepada wajah Negeri Sembilan, tanpa mengambil kira perbezaan agama dan bangsa. Sebagai tanda sokongan Kerajaan, **sejumlah RM3 juta** akan diperuntukan bagi membantu sekolah-sekolah **tahfiz** swasta, Sekolah Jenis Kebangsaan **Cina** (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan **Tamil** (SJKT) dan sekolah-sekolah swasta lain, yang akan diagihkan berdasarkan keperluan. Adalah diharapkan, bantuan ini akan dapat dimanfaat bagi mewujudkan persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang lebih kondusif. Selain daripada itu, Kerajaan juga mengiktiraf golongan pendidik yang sentiasa berkorban dalam mendidik sahsiah anak bangsa

supaya menjadi insan yang berguna. Untuk itu, Kerajaan bersetuju untuk menaikkan elauan bulanan lebih kurang 1,500 orang guru KAFA yang mengajar sepenuh masa daripada RM900 sebulan kepada **RM950** sebulan dengan peruntukan sebanyak **RM1.15 juta**.

Kerohanian dan Agama

41. Sebagai tiang yang menyokong dan mencorakkan kehidupan sehari-hari, aspek kerohanian dan agama sama sekali tidak boleh diketepikan. Serentak itu, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menaikkan elauan Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita seramai 900 orang daripada antara RM150 – RM300 sebulan kepada antara **RM400 – RM500 sebulan** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM2.84 juta**. Mendukung aspirasi Perlembagaan Persekutuan berkenaan kebebasan mengamalkan agama masing-masing,

bagi manfaat golongan bukan Agama Islam pula, Kerajaan Negeri telah menubuhkan **Akaun Amanah Hal Ehwal Bukan Islam** dengan menyediakan peruntukan awal sebanyak **RM1.50 juta** bagi membolehkan mereka melaksanakan program/aktiviti agama masing-masing.

42. Sidang Dewan yang mulia, dengan penuh rasa syukur atas limpah kurniaanNYA, suka saya memaklumkan bahawa Negeri Sembilan telah terpilih sebagai tuan rumah bagi Majlis Tilawah dan Hafazan Peringkat Kebangsaan yang dijangka akan diadakan pada bulan Mac 2019. Ini merupakan satu pengiktirafan oleh Kerajaan Pusat terhadap Negeri ini. Sehubungan itu, atas semangat bersama dan menyokong program ini, Kerajaan akan menyalurkan peruntukan berjumlah **RM1.50 juta** kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan bagi

maksud perancangan dan pelaksanaan majlis tersebut.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

Pelaburan

43. Sidang Dewan (Perbahasan) yang telah diadakan pada 24 sehingga 27 September 2018 yang lalu telah meluluskan penubuhan Perbadanan Negeri Sembilan (NS Corp), melalui **Enakmen Perbadanan NS 2018**; sebagai sebuah badan pelaburan negeri yang memberi tumpuan kepada perancangan dan pembangunan industri berteknologi tinggi. Bagi membolehkan perbadanan ini memulakan fungsinya secara berkesan pada tahun pertama pengoperasian, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan secara *one-off* sebanyak **RM1.80 juta** bagi tahun 2019. Pelbagai perancangan strategik dan

promosi pelaburan sedang giat dirancang untuk dijayakan secara bersama dengan lain-lain agensi negeri seperti UPEN, PKNNS dan NSIC.

Belia

44. Golongan belia adalah permata terpenting negara yang perlu digilap dan dibangunkan sebagai peneraju masa hadapan. Bakat dan usaha mereka perlu digembeling secara terancang terutamanya dalam pembangunan ekonomi. Mengambil contoh Saidina Ali bin Abu Talib, yang merupakan belia terbilang di zaman pemerintahan Rasulullah SAW dan pemerintahan Khalifah Ar-Rasyidin. Beliau dikenali sebagai individu dan pemimpin yang adil, bijaksana dan berwawasan, pintar dan berani menegakkan kebenaran serta sentiasa berusaha mencari ilmu. Kerajaan Negeri amat menggalakkan golongan belia untuk menceburi bidang perniagaan

dalam pelbagai sektor seperti perkhidmatan, perbekalan dan **pertanian** sebagai sumber pendapatan mereka. Ini selaras dengan **Sabda Rasulullah saw, “Sembilan dari sepuluh pintu rezeki itu ada dalam perniagaan”** (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim). Untuk itu, Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah **RM3.00 juta** sebagai peruntukan awal Tabung Pembangunan Usahawan sebagai pinjaman mudah (*soft loan*) yang akan disalurkan melalui Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS). Bantuan ini adalah sebagai tanda sokongan berterusan daripada Kerajaan Negeri kepada usahawan kecil dan sederhana yang berhasrat untuk memulakan perniagaan.

Wanita

45. Tangan yang menghayun buai, mampu menggoncang dunia. Bidalan yang ditujukan khas kepada golongan wanita ini adalah satu bentuk penghormatan dan pengiktirafan kepada wanita di atas segala jasa dan pengorbanan. Bagi terus memperkasakan wanita Negeri Sembilan, satu inisiatif baru yang dikenali sebagai ***Power House – Wanita Gemilang*** bagi melatih dan melahirkan lebih ramai golongan wanita yang berkemahiran telah pun dilancarkan pada tahun ini. Sebagai percubaan, tiga daerah perintis telah dipilih iaitu Seremban, Kuala Pilah dan Tampin sebelum ianya diperluaskan ke daerah-daerah lain. Sejumlah **RM1.60** juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan pelbagai aktiviti, kursus kemahiran dan kepimpinan.

Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)

46. Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) adalah sebuah jawatankuasa yang diwujudkan bagi mengambil alih fungsi dan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Pewujudan MPKK ini telah berkuatkuasa mulai 12 September 2018 susulan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada tarikh yang sama dan sah untuk tempoh selama satu (1) penggal atau dua (2) tahun, sehingga 31 Disember 2019. Untuk makluman Sidang Dewan Yang Mulia, Negeri Sembilan memiliki 433 jawatankuasa MPKK terdiri daripada **393 MPKK Kampung Tradisi** dan **40 MPKK Kampung Baru**. Pada masa ini, Pengerusi dan Setiausaha daripada kedua-dua MPKK ini menerima elaun masing-masing sebanyak RM500 dan RM300. Manakala setiap MPKK juga diperuntukkan Elaun

Kehadiran Mesyuarat (AJK sahaja) RM50 dan Elaun Pengurusan Mesyuarat RM100/mesyuarat.

47. Kerajaan Negeri menghargai dan memahami bebanan tugas yang sedang dipikul oleh AJK MPKK kerana mereka adalah jambatan yang menghubungkan masyarakat dengan pentadbiran negeri. Sehubungan itu, bagi membantu pihak AJK MPKK memainkan peranan yang lebih berkesan dan menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menaikkan bayaran elaun **Pengerusi MPKK Kampung Tradisi dan MPKK Kampung Baru sebanyak RM400 sebulan** menjadi RM900 sebulan bermula pada 1 Januari 2019. Implikasi kewangan yang terlibat berikutan pertambahan elaun ini adalah sebanyak **RM2.1 juta setahun**.

Institusi Adat

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

48. Sebagaimana perbidalan adat, “Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah”. Sebagai sebuah negeri beradat yang mengamalkan Adat Perpatih, Negeri Sembilan sentiasa disanjung tinggi oleh masyarakat luar kerana keunikan dan keindahan sistem pentadbiran demokrasi yang diamalkan oleh masyarakatnya. Setiap lapisan masyarakat telah ditentukan hierarki pemimpin yang perlu dihormati untuk dijadikan tempat rujukan bak kata bidalan **“Alam Beraja, Luak Berpenghulu, Lembaga Berlingkungan, Buapak Beranak Buah dan Anak Buah Bersuku”**. Sebagai tanda berterima kasih dan menghormati kepimpinan institusi Adat Perpatih, Kerajaan telah memutuskan untuk

menaikkan bayaran **Elaun Kehadiran Perbicaraan Pusaka Adat** daripada RM20 kepada **RM50 per mesyuarat**. Untuk makluman Tuan Yang DiPertua, kadar elauan kehadiran mesyuarat ini tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1994 lagi. Selain itu, **elaun Dato'-Dato' Adat** pada masa ini yang berkadaran antara RM200 sehingga RM1,005 juga akan dinaikkan sebanyak **20 peratus** mulai 1 Januari 2019 dengan peruntukan berjumlah **RM700 ribu**. Selain daripada itu, sebanyak **RM500 ribu** juga telah diperuntukkan untuk membiayai pelbagai aktiviti adat yang disalurkan melalui Lembaga Muzium Negeri Sembilan. Ini menjadikan keseluruhan peruntukan untuk Institusi Adat adalah sebanyak **RM1.23 juta**.

Maklumat lanjut dan perincian peruntukan mengurus tahun 2019 bagi semua Jabatan boleh dirujuk di dalam **Kertas Dewan Bilangan 4 Tahun 2018.**

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

Anggaran Belanjawan Pembangunan

49. Menjadi agenda Kerajaan untuk memastikan negeri ini terus berdaya saing di bawah Pentadbiran baharu melalui pelan pembangunan yang terancang dan menyeluruh. Bagi meneruskan lagi agenda pembangunan tersebut, Kerajaan mencadangkan **Anggaran Belanjawan Pembangunan Tahun 2019** sebanyak **RM116.9** juta iaitu kenaikan sebanyak **RM1.14** juta ataupun **1 peratus** berbanding tahun **2018.** Jumlah ini adalah peruntukan

pembangunan terbesar yang pernah dicatatkan untuk tempoh lebih lima (5) tahun.

50. Pecahan dan perincian bagi peruntukan pembangunan tahun 2019 mengikut sektor adalah seperti berikut:

1. **Pembangunan Sosial** RM41.59 juta atau 35.58 peratus;
2. **Kemudahan Infrastruktur** RM23.01 juta atau 19.68 peratus;
3. **Pentadbiran** RM17.01 juta atau 14.55 peratus;
4. **Pertanian** RM15.95 juta atau 13.64 peratus;
5. **Kerohanian** RM10.94 juta atau 9.36 peratus; dan
6. **Pelancongan** RM8.40 juta atau 7.19 peratus.

Pembangunan Sosial

51. Dari rakyat untuk rakyat. Ungkapan ini merupakan asas yang menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan bagi memastikan hasil ekonomi yang diperoleh Kerajaan dikembalikan untuk kesejahteraan rakyat selari dengan aspirasi Memakmurkan Kekayaan. Sehubungan itu, sektor sosial yang merupakan kumpulan sasar terbesar dalam negeri ini akan menerima peruntukan terbesar bagi projek pembangunan tahun 2019 yang akan memberi tumpuan kepada **Program Pencahayaan Negeri** sebanyak **RM3.40** juta. Program pencahayaan ini dijangka akan dapat mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi oleh rakyat seperti kemalangan dan ancaman jenayah. Bagi terus memastikan kualiti hidup dan kesihatan persekitaran terpelihara, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah **RM2.50** juta bagi maksud Penyelenggaraan Sistem Kumbahan

Rumah Awam Harga Rendah (RAHR). Kerajaan juga akan melaksanakan pelbagai projek pembinaan/pengubahsuaihan dewan dan balai raya bagi kegunaan orang ramai dengan peruntukan sebanyak **RM1.74 juta**.

Kemudahan Infrastruktur

52. Bagi memastikan rakyat menikmati jaringan perhubungan jalan raya yang berkualiti dan melengkapkan jajaran penyuraian trafik seluruh Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM1.50 juta** untuk pembinaan jalan-jalan baharu khususnya di kawasan luar bandar. Jabatan Kerja Raya (JKR) juga akan dipertanggungjawabkan untuk membaiki mana-mana persimpangan dan selekoh yang merbahaya dengan peruntukan sebanyak **RM2.4 juta** demi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin dan mengurangkan risiko

kemalangan. Selain daripada pembinaan jalan baharu, Kerajaan juga akan mengganti sebanyak **2 buah jambatan negeri** dengan peruntukan **RM3 juta** yang bakal memberi manfaat kepada **17,283 orang penduduk**. Menyedari kemampuan kewangan negeri yang terhad, Kerajaan akan terus menjalinkan kerjasama erat dengan agensi Persekutuan bagi membantu menyediakan kemudahan infrastruktur baharu dan menaiktaraf jaringan jalanraya sedia ada melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

53. Sebagaimana Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, pada 22 November 2018 yang lalu, satu kejadian ban pecah telah berlaku di muka sauk Loji Rawatan Air Sungai Linggi yang mengakibatkan gangguan bekalan air di beberapa kawasan sekitar Port Dickson. Sebanyak RM1 juta peruntukan luar jangka telah dibelanjakan bagi mengatasi masalah tersebut. Bagi

memastikan kejadian seumpamanya tidak berulang, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM3.25 juta** bagi program Rancangan Pengurusan Banjir untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan-kawasan rendah pula.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

Pentadbiran

54. Selari dengan strategi Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus, Kerajaan dari semasa ke semasa komited untuk menambah baik usaha-usaha yang boleh meningkatkan produktiviti dan kecekapan urusan pentadbiran Negeri ini. Dalam hal ehwal pemantauan dan pengurusan tanah, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) akan diperuntukkan sejumlah **RM1.0 juta** bagi maksud pembangunan sistem eSTRATA. Pembangunan sistem ini melibatkan 462 skim dengan jumlah petak

sebanyak 33,418 unit. Menjelang tahun 2020, Kerajaan dijangka akan mendapat **tambahan hasil berjumlah RM1 juta** menerusi cukai petak yang akan dikenakan ke atas hakmilik strata bagi menggantikan cukai tanah. Selain itu, sektor pentadbiran tahun ini juga akan memberi tumpuan dan keutamaan kepada projek menaiktaraf Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) yang berjumlah **RM2.50 juta**. Menjelang suku kedua tahun 2019, PPANS dijangka akan memulakan operasinya dalam suasana yang lebih kondusif di lokasi baharu yang terletak di Seremban 2.

Pertanian

55. Berdasarkan kepada Data Sosio-ekonomi Negeri Sembilan Tahun 2017, sektor pertanian merupakan antara penyumbang utama pertumbuhan KDNK Negeri Sembilan iaitu

sebanyak 9.8 peratus. Bagi memperkuatkan lagi momentum ini, Kerajaan telah memfokuskan kawasan Negeri Sembilan Timur iaitu Jelebu, Kuala Pilah dan Jempol sebagai lembah pertanian negeri. Pelbagai program pembangunan pertanian seperti tanaman nenas dan buah-buahan akan dimajukan khususnya di kawasan tanah-tanah terbiar yang dianggarkan seluas **162 hektar** daripada keseluruhan 9,706 hektar tanah terbiar. Untuk tujuan tersebut, sejumlah **RM15.95 juta atau 3.64 peratus** daripada keseluruhan peruntukan pembangunan telah disediakan. Daripada jumlah tersebut, **RM1.70 juta** adalah untuk pembangunan tanah-tanah terbiar, manakala **RM1.5 juta** bagi menaiktaraf Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukan sebanyak **RM3.22 juta** kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi memastikan Pengeluaran Ternakan dapat ditingkatkan melalui

perolehan dan pembiakan baka, pembangunan dan penyelenggaraan ladang ternakan.

Kerohanian

56. Matlamat Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri ini secara seimbang bukan hanya bermaksud pembangunan fizikal, tetapi juga meliputi pembangunan sahsiah diri dan masyarakat, kerohanian serta keagamaan. Berdasarkan kepada keadaan fizikal bangunan yang semakin uzur dan jarak perjalanan yang melebihi 70 kilometer sehala, Kerajaan bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak **RM4.0** juta bagi membina Bangunan Mahkamah Syariah Daerah Jempol yang baharu bagi membolehkan kes-kes perbicaraan Mahkamah Tinggi dijalankan di Jempol. Ini akan memberikan kemudahan bukan sahaja kepada penduduk Jempol, malah penduduk di daerah

Jelebu dan Gemas akan turut mendapat manfaat sekali gus mengurangkan kos pengangkutan kepada orang ramai. Selain daripada itu, Pejabat Agama Daerah Kuala Pilah akan turut dinaiktaraf dengan peruntukan sebanyak **RM1.5** juta, bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif demi keselesaan orang ramai ketika berurus. Sebagai menghargai keindahan rekabentuk fasad Masjid Negeri yang menjadi salah satu ikon yang menarik di Negeri Sembilan, Kerajaan bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak **RM1.55** juta untuk kerja-kerja menaiktaraf.

Pelancongan

Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua,

57. Orang dulu-dulu berpesan, “***Kalau hidup hendak selamat, peliharalah laut beserta selat. Peliharalah tanah berhutan lebat, di situ***

terkandung rezeki dan rahmat, di situ terkandung tamsil ibarat, di situ terkandung aneka rahmat. Orang dulu-dulu, tahu menjaga hutan dan tanah. Tahu menjaga bukit dan lembah. Berladang tidak merosak tanah, berkebun tidak merosak rimba”.

58. Kekayaan khazanah alam anugerah Allah kepada Negeri Sembilan ini, telah menjadikan sektor pelancongan sebagai salah satu sektor tumpuan yang berpotensi tinggi untuk menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Pada tahun 2017, Sektor Perkhidmatan yang terdiri dari industri pelancongan telah menyumbang sebanyak 4.9 peratus kepada KDNK. Jumlah kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara adalah seramai 5.3 juta orang dan 1.5 juta orang, masing-masing pada tahun 2017. Keunikan adat

resam, keindahan pantai dan kedamaian hutan tropika yang menghijau menjadikan Negeri Sembilan sebagai destinasi terbaik pelancong yang inginkan belaian alam semulajadi. Ini disokong dengan jaringan perhubungan jalan raya yang sangat baik dan strategik kerana berhampiran dengan KLIA dan Kuala Lumpur. Kerajaan Negeri telah mensasarkan nisbah tumpuan pelancongan pantai, eko-pelancongan serta adat dan warisan, masing-masing sebanyak 60:30:10. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM8.40** juta bagi memajukan industri pelancongan melalui pelbagai projek peningkatan kemudahan infrastruktur dan pengindahan. Bagi mewujudkan persekitaran yang lebih menarik, sebanyak **RM730 ribu** telah diperuntukkan untuk menaiktaraf kemudahan Dataran Sri Kemang, Pencahayaan Bandar dan landskap di sepanjang pantai Port Dickson. Selain daripada itu, produk

pelancongan eko-rimba akan terus diperhebat melalui projek-projek naiktaraf, penyelidikan dan promosi. Untuk tujuan itu, sebanyak **RM2.39 juta** telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan hutan-hutan lipur. Manakala **RM0.98 juta** pula akan diuntukkan bagi menaiktaraf kemudahan infrastruktur dan denai di Taman Negeri Kenaboi. Butiran lanjut dan perincian berkenaan peruntukan pembangunan tahun 2019 adalah seperti yang dinyatakan dalam **Kertas Dewan Bilangan 5 Tahun 2018.**

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

59. Sesungguhnya apa yang kita rancang dan musyawarahkan ini adalah pusaka yang akan kita wariskan kepada anak cucu kita dikemudian hari. Kepada mereka lah kita sandarkan harapan untuk meneruskan legasi mulia yang kita bina bersama di bumi berdaulat ini. Buat anak-anak muda di

luar sana, hayatilah teromba kata orang tua-tua ini;

Panjatlah batang setinggi-tingginya,
Agar bertemu pucuk dan selaranya,
Galilah akar dalam-dalam,
Agar bertemu akar tunjang dan isinya.

Rumah gadang beri berpintu,
Supaya terang jalan ke halaman,
Jika digumpal selebar kuku,
Kalau dikembang selebar alam.

Melangkah di hujung padang,
Bersilat di pangkal keris,
Kata selalu berumpama,
Runding selalu berkiasan.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

60. *“Kelebihan nabi dengan mukjizat, Kelebihan manusia dengan muafakat, Bulat air kerana gopong, Bulat manusia kerana muafakat”*. Kerajaan amat sedar, setiap perancangan dan dasar yang kita luluskan di dalam Dewan Yang Mulia ini, tidak akan memberikan apa-apa faedah sekiranya tidak dilaksanakan dengan berkesan dan penuh integrity oleh jentera pelaksana selaku barisan hadapan Kerajaan. Perkhidmatan awam merupakan institusi penting yang menyokong dan mendukung setiap dasar-dasar yang digubal oleh Kerajaan. Mereka adalah tulang belakang dan benteng terakhir sesebuah Kerajaan. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam atas kerja sama dan penerimaan baik perubahan Kerajaan yang berlaku. Saya amat

yakin dengan profesionalisme penjawat awam yang berpegang kepada prinsip *loyal to the government of the day* (dengan izin).

61. Sebagai menghargai segala khidmat bakti dan pengorbanan itu, saya mengumumkan **Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak satu (1) bulan gaji atau minimum RM2,000 kepada semua penjawat awam yang berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri.** Bantuan Khas ini akan dibayar dalam 2 peringkat iaitu:

- i. Separuh gaji atau RM1,000 pada **minggu pertama bulan Januari 2019**; dan
- ii. **BAKI** separuh gaji atau RM1,000 lagi akan dibayar **seminggu sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri 2019.**

Diharapkan Bantuan Khas ini akan memberikan dorongan dan galakan kepada penjawat awam untuk melaksanakan tugas dengan lebih dedikasi dan cemerlang pada masa akan datang.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Angkatan Tentera Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberi sumbangan dalam menjamin keselamatan, keamanan dan membangunkan negeri ini. Tidak ketinggalan juga ucapan penghargaan ini dipanjangkan kepada warga pendidik yang telah memastikan kesejahteraan minda dan emosi anak-anak Negeri Sembilan diperkasakan demi masa depan yang lebih bersih. Sesungguhnya sumbangan dan pengorbanan anda semua sangat tinggi nilainya

untuk bersama-sama **Memakmurkan Kekayaan**
negeri ini.

Akhir kata, izinkan saya memetik firman Allah SWT dalam **surah al-Imran:54 – Dan mereka merancang, Allah juga merancang, dan Allah sebaik-baik perancang**. Kepada Mu Ya Allah hambaMU ini sandarkan harapan, kepadaMU lah tempat kami bermohon dan kepadaMU jualah tempat kami berserah dan bertawakal. Kabulkanlah segala hajat dan doa kami. Semoga dengannya kelak Kau anugerahkan kami dengan sebuah negeri yang aman makmur dan mendapat keampunan mu Ya Allah, *baldatun toyyibatun warobbun ghofur*.

Sekian, terima kasih.

Saya mohon mencadangkan.